



PERHILITAN

**GARISPANDUAN PENYERAHAN HIDUPAN
LIAR OLEH ORANG AWAM KEPADA ZOO /
PAMERAN TETAP/ AGENSI AWAM DAN
SWASTA**

**IBU PEJABAT
JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR
DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN)
SEMENANJUNG MALAYSIA
KM 10, JALAN CHERAS
56100 KUALA LUMPUR**

1.0TUJUAN

Garis panduan ini sebagai panduan kepada pengendali zoo, pameran tetap, agensi awam dan agensi swasta dalam menerima hidupan liar serahan oleh orang awam.

2.0PEMAKAIAN

Garis panduan ini digunakan oleh semua pengendali Zoo, Pameran Tetap, agensi awam dan agensi swasta di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

3.0RUJUKAN

- 3.1 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
- 3.2 Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686]
- 3.3 Peraturan-Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Pengendalian Zoo) 2012
- 3.4 Peraturan-Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Pengendalian Zoo) (Pindaan) 2013
- 3.5 Peraturan-Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Pameran) 2013
- 3.6 Peraturan-Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Pelupusan) 2013
- 3.7 Garispanduan Standard Zoo Malaysia
- 3.8 Garispanduan Pelepasan Hidupan Liar

4.0TAFSIRAN

- 4.1 “zoo” ertinya mana-mana kawasan atau premis yang menyimpan atau menempatkan hidupan liar sama ada untuk tujuan pemuliharaan, pendidikan, penyelidikan atau rekreasi, dan dibuka kepada umum.
- 4.2 “Pameran tetap” ertinya suatu aktiviti mempamerkan secara tetap hidupan liar di mana-mana premis dan dibuka kepada umum.
- 4.3 “Hidupan Liar” ertinya hidupan liar yang disenaraikan di dalam Perintah Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan Jadual) 2012, [Akta 716] dan “haiwan” yang ditafsirkan di bawah [Akta 686].
- 4.4 “Penerima serahan” bermaksud Pengendali zoo, pameran tetap, agensi awam dan agensi swasta yang menerima hidupan disenaraikan di bawah Akta 716 dan Akta 686.

5.0PENYERAHAN HIDUPAN LIAR

Penerima serahan adalah bertanggungjawab untuk menerima hidupan liar serahan oleh orang awam .

5.1Prosedur serahan

- 5.1.1 Penerima serahan dibenarkan untuk **menerima sementara** hidupan liar serahan oleh orang awam.

5.1.2 Setiap hidupan liar yang diserahkan oleh orang awam kepada Penerima serahan merupakan **Hak Milik Kerajaan** di bawah seliaan **Jabatan PERHILITAN**.

5.1.3 Penerima serahan dikehendaki menyerahkan hidupan liar serahan kepada Jabatan PERHILITAN.

5.2 Tanggungjawab Penerima serahan

5.2.1 Penerimaan serahan

5.2.1.1 Setiap hidupan liar serahan oleh orang awam yang diterima perlu dikenalpasti spesies dan direkodkan menggunakan Borang Serahan yang ditetapkan (Lampiran 1).

5.2.1.2 Satu (1) salinan Borang Serahan hendaklah diberikan kepada penyerah hidupan liar tersebut.

5.2.2 Pemakluman kepada Jabatan PERHILITAN.

5.2.2.1 Penerima serahan yang menerima hidupan liar serahan hendaklah dengan **serta-merta atau pada hari yang sama** memaklumkan kepada Jabatan PERHILITAN mengenai serahan tersebut dengan menghubungi Jabatan PERHILITAN yang berhampiran (Lampiran 2).

5.2.3 Pemeriksaan kesihatan hidupan liar

5.2.3.1 Hidupan liar yang telah diserahkan perlu diperiksa kesihatannya. Sekiranya hidupan liar tersebut tercedera, ia perlu dirawat segera.

5.2.4 Serahan kepada Jabatan PERHILITAN

5.2.4.1 Hidupan liar perlu diserahkan kepada pegawai penguatkuasa Jabatan PERHILITAN beserta satu salinan Borang Serahan yang telah dilengkapkan.

5.2.4.2 Penerima serahan boleh menyerahkan sendiri hidupan liar ke Pejabat Jabatan PERHILITAN.

5.2.4.3 Sekiranya Penerima Serahan berminat untuk menyimpan hidupan liar tersebut, Penerima Serahan perlu membuat permohonan bertulis kepada Jabatan PERHILITAN.

5.2.5 Pelepasan Hidupan Liar

5.2.5.1 Penerima Serahan boleh membuat pelepasan hidupan liar dalam keadaan berikut :

5.2.5.1.1 Memaklumkan kepada Jabatan PERHILITAN terlebih dahulu.

5.2.5.1.2 Spesies tempatan

5.2.5.1.3 Hidupan liar sihat


5.2.5.1.4 Hidupan liar telah ditanda

5.2.5.1.5 Lokasi pelepasan di habitat yang sesuai.

5.2.6 Pelupusan Hidupan Liar

5.2.6.1 Hidupan liar yang hendak dilupuskan perlu mematuhi Peraturan-Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Pelupusan) 2013.

CARTA ALIR
PENYERAHAN HIDUPAN LIAR OLEH ORANG AWAM KEPADA PENERIMA
SERAHAN





**BORANG SERAHAN HIDUPAN LIAR OLEH ORANG AWAM KEPADA
PENERIMA SERAHAN**

*(Diisi dalam 3 salinan : Salinan Penerima Serahan, Salinan Penyerah,
Salinan PERHILITAN)*

1. Nama Penyerah : _____
2. No.KP : _____
3. No. Telefon Penyerah : _____
4. Tarikh serahan : _____ Masa serahan : _____
5. Sebab serahan :

6. Maklumat hidupan liar serahan:

Bil.	Nama spesies / Nama tempatan	Kuantiti (ekor)	Status Hidupan Liar (Hidup/Cedera/Mati)
1.			
2.			
3.			

**gunakan lampiran jika ruang tidak mencukupi.*

Tandatangan Penyerah

.....

Nama:

Tandatangan Penerima

.....

Nama:

Cop rasmi :

DIREKTORI JABATAN PERHILITAN

BIL.	PEJABAT JABATAN PERHILITAN	NO. TELEFON BIMBIT	NO. TELEFON PEJABAT	EMEL
1.	Perlis	019-559 4388	04-976 1813	perlis@wildlife.gov.my
2.	Kedah	019-388 8912	04-731 2200	kedah@wildlife.gov.my
3.	Pulau Pinang	019-456 4388	04-261 3039	ppinang@wildlife.gov.my
4.	Perak	019-225 5532	05-243 6645	perak@wildlife.gov.my
5.	Selangor	019-454 7188	03-5519 3915	selangor@wildlife.gov.my
6.	WP K.Lumpur	019-219 5359	03-9171 0258	wpkl@wildlife.gov.my
7.	Terengganu	019-936 2788	09-622 1460	terengganu@wildlife.gov.my
8.	Kelantan	019-985 2788	09-741 6240	kelantan@wildlife.gov.my
9.	Pahang	019-914 2788	09-517 8111	pahang@wildlife.gov.my
10.	Negeri Sembilan	019-225 5580	06-761 6998	nsembilan@wildlife.gov.my
11.	Melaka	019-620 2388	06-234 5610	melaka@wildlife.gov.my
12.	Johor	019-388 8913	07-223 0580	johor@wildlife.gov.my
13.	WP Labuan	-	087-419258	wplabuan@wildlife.gov.my


BORANG PELEPASAN/PELUPUSAN HIDUPAN LIAR SERAHAN

(Diisi dalam 3 salinan : Salinan Penerima Serahan, Salinan
PERHILITAN)

Bil.	Nama Spesies / Saintifik	No. Penandaan	Jantina	Lokasi pelepasan
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				

Tarikh pelepasan :

NAMA PENERIMA SERAHAN:

NAMA PEGAWAI PELEPAS:

.....
TANDATANGAN

.....
TANDATANGAN